

24/01/1999

Nafsu punca nahas jalan raya

Razali Samad

SETIAP kali menyambut perayaan, rakyat negara ini yang sepatutnya bergembira sering dikejutkan dengan berita menyedihkan mengenai kemalangan jalan raya yang mengorbankan banyak nyawa.

Perkataan 'hari raya', seolah-olah sinonim dengan kemalangan jalan raya. Menjelang perayaan, kemalangan jalan raya mendapat tempat utama di media massa. Kejadian ngeri itu begitu ketara berlaku di negara kita. Jumlah mangsa yang terbunuh sangat mencemaskan dan antara tertinggi di dunia. Fenomena ini perlu menjadi renungan dan buah fikiran agar menjadi keinsafan dan tindakan semua pihak.

Kemalangan jalan raya adalah satu bala daripada Allah. Semua manusia tidak ingin menempahnya. Ada manusia yang hanya menyalahkan takdir semata-mata apabila berlaku sesuatu kemalangan jalan raya. Ada yang memberi alasan dengan berkata "sudah takdir berlaku" atau "dah ajal dia mati dalam kemalangan jalan raya". Perkataan seperti itu seolah-olah menafikan punca kemalangan itu adalah daripada manusia sendiri.

Memang tidak dinafikan kejadian malang itu sudah ditetapkan sejak azali lagi tetapi dalam masa sama, kita perlu berikhtiar mengelakkan kejadian itu daripada berlaku. Jika sudah berusaha dan berikhtiar mematuhi peraturan ditetapkan maka bolehlah ia dianggap sebagai takdir.

Sebenarnya, bencana atau musibah yang menimpa manusia disebabkan oleh perlakuan manusia sendiri atau disebaliknya adalah kerana Allah hendak memberikan peringatan dan amaran kepada manusia agar tidak terus menerus hanyut dalam keseronokan dunia dan mengabaikan suruhan Allah sebagaimana maksud firman-Nya: "Sudah timbul pelbagai kerosakan dan bala di darat dan di laut dengan sebab apa yang dilakukan oleh tangan manusia, (timbulnya yang demikian) kerana Allah hendak merasakan mereka sebahagian daripada balasan perbuatan buruk yang mereka lakukan supaya mereka kembali (insaf dan bertaubat)." - (Ar-Rum: 41).

Oleh itu, sekiranya berlaku kecelakaan kerana kecuaiannya, salahnya adalah diri sendiri. Allah berfirman, bermaksud: "Allah sekali-kali tidak menganiaya mereka tetapi merekalah yang menganiaya diri sendiri." - (An-Ankabut: 40).

Begitu juga Allah mengingatkan melalui ayat 79 Surah An-Nisa yang bermaksud: "Apa juga kebaikan (nikmat kesenangan) yang engkau dapati maka ia adalah daripada Allah; dan apa jua bencana yang menimpamu maka ia adalah kesalahan dirimu sendiri. Dan Kami mengutus engkau (wahai Muhammad) kepada seluruh umat manusia sebagai seorang Rasul (yang membawa rahmat). Dan cukuplah Allah menjadi saksi (yang membuktikan kebenaran hakikat ini)."

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, ketika menyampaikan perutusan sempena sambutan Aidilfitri tahun lalu berkata: "Sesungguhnya segala-gala yang kita nikmati adalah kurniaan-Nya. Walaupun kadang-kadang ditimpakan ke atas kita malapetaka seperti kehilangan nyawa dan harta disebabkan banjir, kemalangan jalan raya dan kecelakaan yang berlaku sepanjang masa, namun peristiwa ini tetap mempunyai hikmatnya. Ia adalah amaran dan pengajaran bagi kita. Tidak akan berlaku malapetaka ini jika kita tidak sendiri mencarinya. Kitalah yang memilih untuk mendirikan rumah di tebing dan di dalam sungai, sedangkan kita tahu tempat itu berbahaya jika berlaku banjir. Kitalah yang memandu di jalan raya secara gopoh, tidak bertimbang rasa dan tidak tertib. Justeru selepas diberi amaran kadang-kadang berkali-kali, haruslah kita mengambil tindakan mengelak,

tidak tinggal di tebing sungai, tidak memandu tanpa susila jalan raya dan tidak sengaja mendedahkan diri kepada bahaya lain. Jika kita tidak endah kepada amaran ini lambat laun petaka akan menimpa kita lagi.

"Dan janganlah kita mudah berkata ini sudah ditakdirkan. Jika kita menjaga keselamatan diri kita dan dengan itu kita terselamat, itu juga takdir. Kadang-kadang kita seolah-olah sudah menyalahkan Tuhan sedangkan yang salah adalah kita. Ingatlah segala yang baik itu datang daripada Allah, yang buruk adalah daripada kita sendiri. Nasib buruk yang kita alami adalah kerana kesalahan kita."

Pengguna jalan raya mesti menginsafi hidup ini hanya sekali saja. Dirahsiakan kepada manusia bilakah ajal mautnya serta apakah sebab dan musababnya. Tetapi manusia dianugerahkan akal fikiran yang boleh membezakan yang mana bahaya dan yang mana tidak. Bererti manusia boleh berikhtiar dan berusaha untuk mengelakkan sesuatu yang membahayakan diri sendiri dan orang lain.

Kemalangan jalan raya yang berlaku di seluruh negara yang membabitkan kereta dan motosikal malahan meragut banyak nyawa dan tidak kurang juga mangsa menderita sepanjang hayat. Kekerapan berlaku kemalangan ini berpunca daripada sikap dan kelalaian pengguna jalan raya sendiri yang tidak berdisiplin, sombong, ego dan tidak bertimbang rasa ketika di jalan raya. Malahan ada sebahagian mereka tidak mematuhi peraturan dan undang-undang ditetapkan oleh pihak berwajib, di samping tidak memastikan kenderaan dan peralatan berfungsi dengan sempurna sebelum memulakan perjalanan.

Berikut adalah antara kesalahan selalu dibuat oleh pengguna jalan raya yang seterusnya menyumbang kepada kemalangan jalan raya:

- * Memandu melebihi had laju ditetapkan kerana mengejar masa dan tergesa-gesa;

- * Memotong di tempat tidak dibenarkan seperti di garisan berkembar;

- * Memotong dengan cara salah seperti memotong dari sebelah kiri dan selekoh;

- * Memandu dengan berbahaya;

- * Memandu dengan cuai kerana keletihan;

- * Mengekori kenderaan lain terlalu rapat.

Walaupun pelbagai usaha seperti kempen keselamatan jalan raya, ops pacak serta ops statik diadakan, kadar kemalangan masih meningkat terutama ketika menyambut perayaan.

Apabila berlaku sesuatu kemalangan, pelbagai pihak akan menyalahkan faktor luaran seperti hujan, jalan raya tidak elok, kenderaan rosak, jalan licin, kabus dan banyak lagi alasan. Mereka tetap tidak mahu menyalahkan diri sendiri.

Namun begitu, menurut hasil kajian polis trafik, 77 peratus kemalangan adalah berpunca daripada sikap dan perlakuan pengguna jalan raya.

Ketua Trafik Persekutuan, Datuk Supian Amat, menyatakan hasil kajian trafik menunjukkan sebanyak 24 peratus kecelakaan ketika tempoh perayaan berkembar tahun lalu itu berlaku kerana memecut, 23 peratus lagi kerana memotong secara berbahaya, manakala 20 peratus kerana memandu secara bahaya.

Kajian itu membuktikan sikap tergesa-gesa pengguna jalan raya adalah punca utama kemalangan jalan raya. Ini jelas diperkatakan Allah dalam firman-Nya bermaksud: "Jenis manusia dijadikan bertabi'at terburu-buru dalam segala halnya; Aku (Allah) akan perlihatkan kepada kamu tanda kekuasaan-Ku; maka janganlah kamu meminta disegerakan (kedatangannya)." - (Al Anbiya: 37).

Kemalangan jalan raya dapat dicegah sekiranya orang ramai mengikut peraturan sedia ada dan mengamalkan sikap tolak ansur ketika memandu. Cara yang paling sesuai bagi melatih pengguna jalan raya mematuhi peraturan

ialah dengan mengadakan penguatkuasaan undang-undang serta latihan memandu kepada pemandu baru.

Melalui cara itu, pengguna jalan raya akan mempunyai kesedaran untuk berhati-hati di jalan raya serta menyedari perbuatan tidak bertanggungjawab mereka itu sentiasa diperhatikan oleh pihak berkuasa.

Pengguna jalan raya (pemandu) boleh mengikuti serta mematuhi cara dan panduan berikut bagi memastikan perjalanan yang dirancang tidak menimbulkan kecelakaan.

Semua pengguna jalan raya (pemandu) perlu memastikan mereka pada tahap kecergasan yang tinggi sebelum memandu bagi mengelakkan mengantuk atau keletihan;

- * Merancang perjalanan lebih awal dengan memilih jalan raya yang kurang sesak dan masa yang tepat bagi mengelakkan kesesakan;

- * Pemandu perlu mengamalkan sikap bertanggungjawab dan bertimbang rasa kepada pengguna lain;

- * Pemandu perlulah mematuhi setiap papan tanda dan isyarat;

- * Pemandu mestilah mematuhi undang-undang jalan raya;

- * Pemandu perlulah mengamalkan sikap sabar dan tenang ketika memandu;

- * Jika mengantuk perlu berehat sebentar;

- * Elakkan berlumba dengan pemandu lain;

- * Pemandu bas ekspres perlu berhenti di tempat disediakan ketika mengambil dan menurunkan penumpang;

- * Pemandu perlu memastikan kenderaan mereka dalam keadaan sempurna sebelum memulakan perjalanan bagi mengelakkan kelancaran perjalanan kenderaan terganggu.

Bersamalah kita bertakwa kepada Allah dengan mengambil iktibar atau pengajaran segala tragedi dan malapetaka yang berlaku dalam kehidupan masyarakat kita dewasa ini yang terjadi dalam pelbagai ragam dan rupa.

Tragedi dan malapetaka ini adalah dugaan. Ia boleh menyedarkan kita semua agar kita dapat berfikir dan bertakwa dengan penuh keinsafan dan hati yang khusyuk kepada Ilahi.

(END)